



**BAHAGIAN KESELAMATAN DAN KUALITI MAKANAN
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA**

Subjek	:	KEPERLUAN PENGEKSPORTAN BAGI PRODUK UDANG KE AUSTRALIA
Topik	:	MAKLUMAT PENGELUARAN SIJIL KESIHATAN BAGI PRODUK UDANG MENTAH (<i>UNCOOKED PRAWNS</i>) KE AUSTRALIA
Tanggungjawab	:	PENGILANG/ PENGEKSPORT
<p>Mulai 13 April 2017, pihak Australia telah mengenakan keperluan format Sijil Kesihatan yang baru bagi produk udang ke Australia. Di samping itu, Australia juga mengkehendaki perakuan kesihatan (<i>health attestation</i>) berhubung penyakit udang bagi produk udang mentah (<i>uncooked prawns</i>). Oleh itu, pihak pengilang/pengeksport perlu mendapatkan surat perakuan kesihatan (<i>health attestation</i>) bagi penyakit udang daripada Jabatan Perikanan (DOF) sebelum membuat permohonan Sijil Kesihatan daripada Kementerian Kesihatan Malaysia.</p> <p>Pihak pengilang/pengeksport perlu berhubung dengan Jabatan Kesihatan Negeri atau Pejabat Kesihatan Daerah/Bahagian/Kawasan bagi tujuan permohonan Sijil Kesihatan bagi produk udang ke Australia.</p>		
Disediakan oleh	:	Cawangan Eksport, Program Keselamatan dan Kualiti Makanan, Kementerian Kesihatan Malaysia
Tarikh	:	19 Julai 2018